

TALKING POINT

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR (BELB)
DI KAMPUNG BUGU MAWANG,
KAMPUNG BUGU, KAMPUNG PRANGKAN MERUNG
DAN KAMPUNG PRANGKAN MAWANG, SERIAN
SARAWAK**

DEWAN MESRA KG BUGU MAWANG

16 APRIL 2016 (SABTU)

WAKTU KETIBAAN : 7.00 MALAM

- Alu-aluan
- Tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) adalah memberi bekalan elektrik kepada semua penduduk luar bandar meliputi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- BELB dilaksanakan melalui 2 kaedah; pertama melalui sambungan talian grid tidak melebihi 33kV. Kedua secara alternatif bagi kawasan - kawasan pedalaman seperti solar hibrid dan mikro hidro.

Dalam Tempoh RMK-10 (2010-2015) program BELB Sarawak telah diperuntukkan peruntukan **berjumlah RM 2.39 billion dan 63,003** buah rumah di kawasan luar bandar Sarawak telah mendapat bekalan elektrik 24 jam. Bagi tempoh RMK-11 (2016-2020) peruntukan bagi BELB Sarawak adalah berjumlah RM 1.3 billion dengan anggaran 16,942 buah rumah akan menikmati bekalan elektrik 24 jam.

- Sehingga penghujung tahun 2015, liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak telah mencapai 94% dan Kementerian menjangkakan sehingga akhir tahun 2016 liputan ini akan meningkat kepada 96%.
- Kementerian pada tahun 2012 telah meluluskan pelaksanaan projek BELB Talian Grid di Kampung Bugu Mawang, Kampung Bugu, Kampung Prangkan Merung, Kampung Prangkan Mawang berjumlah RM4.4juta
- Projek ini melibatkan 247 buah rumah di empat buah kampung) dengan jumlah anggaran penduduk seramai 1235 orang.
- Projek ini yang dilaksanakan oleh Syarikat Shorefield Sdn. Bhd telah dimulakan pelaksanaannya pada bulan Jun 2012 dan siap pada bulan Julai 2013.
- Harapan Kementerian supaya dengan adanya bekalan elektrik 24 jam yang dinikmati oleh penduduk di kampung - kampung ini, maka perkembangan sosial dan ekonomi dapat

berkembang. Golongan usahawan tempatan yang berdaya saing juga diharap dapat diwujudkan.

- Kementerian juga akan terus bekerjasama dengan Kementerian Kemudahan Awam Sarawak dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak bagi mencapai matlamat untuk memastikan penduduk luar bandar mendapat bekalan elektrik 24 jam dalam tempoh yang disasarkan.
- Saya dengan ini merasmikan projek BELB, Kampung Bugu Mawang, Kampung Bugu, Kampung Prangkan Merung, Kampung Prangkan Mawang, Serian, Sarawak.